



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN
BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI: *THE PERSISTENCE OF
MEMORY***

NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)
2016

**PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN
BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI : *THE PERSISTENCE OF MEMORY***

NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD


DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 8 JUNE 2016

Student's Declaration:

I, NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN (43054) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART hereby declare that the work entitled

PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI : THE PERSISTENCE OF MEMORY is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.



NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN (43054)

8/6/2016


Date Submitte

Supervisor's Declaration:

I, DR. YAKUP MOHD RAFEE hereby certifies that the work entitled

PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI : THE PERSISTENCE OF MEMORY prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Date:

8/6/2016

I declare that Project/ Thesis is classified as (Please tick (✓) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**


Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/ Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/ Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/ Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/ Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/ Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.


Student signature

(Date:


8/6/16)

Supervisor signature:

(Date:


8/6/2016.

Current Address:

A2-03-11, TMN SRI KENARI, SG. RAMAL BARU, 43000 KAJANG, SELANGOR

Notes: * If the Project/ Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.


[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk

PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI : *THE PERSISTENCE OF MEMORY* telah disediakan oleh **NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Tarikh: 8/6/2016

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **NUR ASYIKIN AKMAL BINTI AYAT LAUMUDIN** disertai penulisan yang bertajuk

PENDEKATAN SURREALISMA DALAM SENI VIDEO GERAK PEGUN BERDASARKAN KARYA SALVADOR DALI : *THE PERSISTENCE OF MEMORY* sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:



(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Penyelia

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan limpah-Nya, penulisan ilmiah ini dapat disiapkan dengan jayanya. Penulisan ilmiah ini amat penting kerana perkara ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk bergraduasi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif serta pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga rakan-rakan seperjuangan yang turut terlibat sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini.

Sekalung budi dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Yakup Mohd Rafee diatas seliaan yang telah banyak membantu dan berkongsi ilmu dalam menjayakan penulisan ilmiah ini. Disamping itu, tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah program Seni Halus kerana banyak memberikan ilmu yang tidak terhingga sepanjang tiga tahun di UNIMAS. Terima kasih diatas tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang amat berguna sepanjang saya menjalankan kajian. Setiap nasihat dan bimbingan yang telah diberikan kepada saya tidak akan disia-siakan.

Ucapan terima kasih juga kepada keluarga saya terutama sekali kedua ibu bapa saya iaitu En. Ayat Laumudin Bin Ngah dan juga Pn. Manirah Binti Ibrahim kerana banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang penulisan dan projek ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana memberikan saya bantuan dari segi kewangan, semangat dan sokongan. Tanpa sokongan mereka, pasti kajian ini akan menjadi lebih sulit dan rumit.

| <u>ISI KANDUNGAN</u> | <u>M/S</u> |
|-------------------------------------|------------|
| ABSTRAK | 1 |
| <i>ABSTRACT</i> | 2 |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 3 |
| 1.0 Pengenalan | 3-4 |
| 1.1 Permasalahan kajian | 5 |
| 1.2 Persoalan kajian | 6 |
| 1.3 Objektif kajian | 6 |
| BAB 2 KAJIAN LITERATUR | 7 |
| 2.0 Pengenalan | 7 |
| 2.1 Definisi | 7 |
| 2.2 Sejarah awal | 8-9 |
| 2.3 <i>Paranoid-critical Method</i> | 10 |
| 2.4 Videografi | 11 |

| | |
|--|-----------|
| BAB 3. METODOLOGI | 12 |
| 3.0 Pengenalan | 12-13 |
| 3.1 Kesimpulan | 14 |
| | |
| BAB 4. ANALISA DATA | 15 |
| 4.0 Pengenalan | 15 |
| 4.1 Teknik-teknik yang digunakan dalam aliran surrealism dan Salvador Dali | 15-18 |
| 4.2 Faktor-faktor pemilihan karya <i>The Persistence of Memory</i> | 18-19 |
| 4.3 Perbincangan | 19-26 |
| 4.4 kesimpulan | 26 |
| | |
| BAB 5 KARYA AKHIR | 27 |
| 5.1 Pengenalan | 27 |
| 5.2 Keputusan kajian atau hasil kajian | 28 |
| 5.3 Aplikasi seni video dalam penghasilan karya | 29 |
| 5.2.1 Definisi seni video | 29 |
| 5.2.2 Media yang digunakan dalam penghasilan Seni video | 29-30 |
| 5.2.3 Aliran penting yang digunakan dalam seni video dan kegunaannya. | 30 |
| 5.3 Proses penghasilan karya akhir | 31-44 |

| | |
|--------------------|--------------|
| 5.4 Karya Akhir | 45 |
| 5.5 Cadangan | 46 |
| 5.6 Kesimpulan | 46 |
| BIBLIOGRAFI | 47-50 |

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian terhadap pendekatan surrealisma berdasarkan pemerhatian dan kajian terhadap Salvador Dali. Kajian ini mengenengahkan konsep dan juga tentang sejarah surrealisma dan pendekatan yang digunakan oleh Salvador Dali didalam penghasilan beliau. Hasil dari pemerhatian dan kajian tersebut, pendekatan yang sama akan dipraktikkan dalam menghasilkan karya peribadi menggunakan teknik seni video gerak pegun.

ABSTRACT

This study is a study of surrealism approach based on observation and study of Salvador Dali. This study highlights the concept and also about the history of surrealism and approach used by Salvador Dali in his outcome works. The results of the observation and study, the same approach will be put into practice in producing personal works of art using stop motion video.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini merupakan satu kajian terhadap penghasilan seni video gerak pegun (*stop motion*) yang menggunakan pendekatan Salvador Dali dalam penghasilan karya peribadi pengkaji.

Oleh yang demikian, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan surrealisma yang sering digunakan oleh Dali (1904), dalam penghasilan karya ini. Pengkaji telah memilih Salvador Dali sebagai kajian kes kerana beliau merupakan salah seorang pengasas surrealism moden dan dikenali dengan gelaran “father of surrealism”. Dalam kajian ini, teknik dan pendekatan yang digunakan oleh Dali (1904), menjadi garis panduan dalam penghasilan karya kelak. Kebanyakan karya yang dihasilkan beliau adalah dari objek harian yang diubah kepada bentuk yang lain dari asal. Dali juga merupakan seorang yang obsess terhadap kemusnahan, darah dan juga najis. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji tentang obsesi dan juga pendekatan yang sering digunakan oleh Dali (1904).

Kepentingan kajian ini adalah untuk menganalisa dan mengenalpasti pendekatan dan juga idealogi yang sering digunakan oleh Dali (1904) untuk menghasilkan sesuatu karya berbentuk surrealism. Oleh yang sedemikian, penyelidik mengambil keputusan untuk mengkaji Salvador Dali dalam penghasilan karya surealis. Tambahan pula, penyelidik akan menghasilkan karya yang menarik dengan menggunakan konsep yang diguna pakai oleh Dali (1904) didalam penghasilan karya. Teknik Salvador Dali dalam penghasilan karya surealis sangat unik dan perlu diperluaskan di dalam Negara kita. Hal ini kerana, tidak ramai artis dalam Negara kita yang menghasilkan karya surealis seperti Dali.

perlu diperluaskan di dalam Negara kita. Hal ini kerana, tidak ramai artis dalam Negara kita yang menghasilkan karya surrealis seperti Dali.

Dalam kajian ini, pengkaji juga turut mencari bahan atau kaedah yang sesuai untuk menghasilkan karya berbentuk surrealism dari dapatan kajian yang diperoleh. Oleh itu, penyelidik akan menggunakan dan mengaplikasikan teknik Dali (1904) dengan lebih mudah agar menghasilkan karya yang lebih menarik sebagaimana hasil karya Salvador Dali.

Secara umumnya, dalam Negara kita masih kurang rujukan yang mendalam dalam penghasilan karya surrealism. Hal ini kerana, artis tempatan tidak ramai yang berkecimpung dalam teknik surrealism. Oleh itu, penyelidik mengharapkan kajian ini sebagai sumber rujukan untuk mereka yang berminat dalam penghasilan surrealism dengan menggunakan pendekatan teknik Salvador Dali. Tambahan pula, artis Negara kita lebih tertumpu dengan hasil karya yang berbentuk abstrak dan realism. Lantaran, kajian ini dapat menarik minat para artis tempatan dalam penghasilan karya jenis surrealism standing dengan artis luar Negara.

Kesimpulannya, kajian ini boleh membawa artis baru untuk lebih mengenali Salvador Dali, kerana pemikiran Salvador Dali itu sungguh mengagumkan kerana ianya penuh dengan idealistic dan rumit. Seperti yang pernah dinyatakan oleh beliau apabila beliau pernah dianggap kurang siuman kerana sering dikatakan menghasilkan karya-karya yang unik dan mistik.

“there is only one difference between a madman and me. I am not mad” Salvador Dali, (1904)

Dalam kajian ini, pengkaji juga turut mencari bahan atau kaedah yang sesuai untuk menghasilkan karya berbentuk surrealism dari dapatan kajian yang diperoleh. Oleh itu, penyelidik akan menggunakan dan mengaplikasikan teknik Dali (1904) dengan lebih mudah agar menghasilkan karya yang lebih menarik sebagaimana hasil karya Salvador Dali.

Secara umumnya, dalam Negara kita masih kurang rujukan yang mendalam dalam penghasilan karya surrealism. Hal ini kerana, artis tempatan tidak ramai yang berkecimpung dalam teknik surrealism. Oleh itu, penyelidik mengharapkan kajian ini sebagai sumber rujukan untuk mereka yang berminat dalam penghasilan surrealism dengan menggunakan pendekatan teknik Salvador Dali. Tambahan pula, artis Negara kita lebih tertumpu dengan hasil karya yang berbentuk abstrak dan realism. Lantaran, kajian ini dapat menarik minat para artis tempatan dalam penghasilan karya jenis surrealism standing dengan artis luar Negara.

Kesimpulannya, kajian ini boleh membawa artis baru untuk lebih mengenali Salvador Dali, kerana pemikiran Salvador Dali itu sungguh mengagumkan kerana ianya penuh dengan idealistic dan rumit. Seperti yang pernah dinyatakan oleh beliau apabila beliau pernah dianggap kurang siuman kerana sering dikatakan menghasilkan karya-karya yang unik dan mistik.

“there is only one difference between a madman and me. I am not mad” Salvador Dali, (1904)

1.1 Permasalahan Kajian

Salvador Dali (1904), menyatakan surrealisme ialah seni penulisan atau catan yang sukar dibayangkan dan juga bersifat tidak nyata, dimana imej dihasilkan daripada visual dari dunia khayalan.

Surrealisme juga merupakan satu pendekatan atau pergerakan yang menolak logik akal, alasan yang munasabah dan juga menolak kejadian alam. Walau bagaimanapun, pendekatan yang sering digunakan oleh Salvador Dali merupakan visual realistik yang ada berdekatan beliau dan diolah menjadi karya surealism.

Menurut Klingsohr (2011), Salvador Dali telah membawa pencapaian baru didalam dunia seni dengan menggunakan kaedah "*paranoid-critical method*". Andre Breton (1924) menyatakan:

"the uninterrupted transformation of the object under the paranoic's scrunity permits him to regards the very image of the external world as unstable and transitory, if not as suspect, and it is, disturbingly, in his power to impose the reality of his impression on others.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam tentang pendekatan yang telah dicapai oleh Salvador Dali dengan menerangkan dengan lebih jelas tentang pendekatan yang diketengahkan oleh beliau.

1.2 Persoalan Kajian

Semasa menjalankan kajian, terdapat pelbagai persoalan kajian yang timbul.

1. Apakah yang digunakan oleh Salvador Dali dalam konteks idea, teknik dan pendekatan media atau bahan?
2. Bagaimanakah ciri-ciri yang dikenalpasti dalam karya Salvador Dali boleh dianalisis secara kritikal?
3. Bagaimanakah kesan pengaruh penghasilan surealisme didalam karya?

1.3 Objektif Kajian

Untuk mencapai keberkesanan kajian dalam penghasilan karya, beberapa objektif kajian telah ditetapkan agar kajian ini tercapai dan menjadi sumber rujukan kepada pengkaji yang lain.

Antaranya ialah:

1. Mengenalpasti pendekatan surrealisme dalam konteks karya Salvador Dali.
2. Menganalisa pendekatan Salvador Dali dalam penghasilan karya surrealisme melalui kajian perbandingan dan pemerhatian.
3. Mengaplikasikan hasil dapatan kajian yang diperolehi ke dalam karya peribadi.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Kajian literatur merupakan sumber utama idea dalam menentukan arah kajian dan juga kaedah kajian. Didalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan beberapa sumber rujukan melalui kaedah kajian literatur. Antara kaedah kajian literatur adalah bacaan buku, junal, aritkal, dan laman web. Oleh itu, pengkaji akan mengaplikasikan kaedah dan teknik artis selain cuba memahami konsep surealisme itu sendiri melalui kajian literatur ini. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah pendekatan utama artis rujukan iaitu Salvador Dali. Kajian lepas ini merujuk kepada kajian yang telah dilakukan sebelum ini dan kajian ini juga dilakukan adalah untuk melengkapi kajian terhadap tajuk tesis ini.

2.1 Definisi

Surealisme merupakan salah satu aliran seni yang terkenal dikalangan pelukis-pelukis seni di seantero dunia. Surealisme merupakan satu aliran seni yang wujud pada awal abad ke-20. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, surealisme merupakan satu aliran atau gerakan dalam bidang seni dan sastera (dalam abad 19-20) yang mementingkan atau memberi tempat kepada unsur-unsur bawah sedar manusia (diluar kenyataan atau realiti).

Menurut André Breton, (1924) surealisme merupakan satu automasi psikik tulen yang mana ianya bertujuan untuk meluahkan atau menyatakan sama ada secara lisan ataupun bertulis atau selain daripada fungsi sebenar pemikiran.

2.2 Sejarah Awal

Surrealisme ialah pergerakan dalam bidang seni dan kesusasteraan. Ianya diasaskan di Paris pada tahun 1924 oleh André Breton. Seperti dadaism, punca bermulanya ialah apabila para pelukis surealisme atau dikenali sebagai surrealist menggunakan seni sebagai senjata untuk melawan kedurjanaan dan batasan yang para surealisme melalui lihat atau perhatikan didalam masyarakat berbeza daripada dadaism. Walau bagaimanapun, surealisme cuba mendedahkan satu hakikat baru dan lebih tinggi daripada kehidupan seharian. Surrealisma ialah perkataan yang membawa maksud *super realism*.

Melalui Ensiklopedia, Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan *surrealist* pertama kali digunakan pada tahun 1971 oleh penyair Perancis ketika itu; iaitu Apollinaire (1880), ketika beliau membuat persembahan drama *Les Mamelles de Tirésias*, dan juga persembahan ballet *Parade*, dihasilkan oleh Diaghilev. Selepas itu, istilah *surrealist* telah digunakan oleh para penyair ketika itu termasuk Andre Brèton.

Walaupun bagaimanapun, aliran seni surrealism tidak bergerak secara rasmi dan begitu juga dengan seni kesusasteraan tidak muncul sehingga tenggelamnya zaman dadaism Paris pada perang dunia kedua. Brèton yang ketika itu kecewa dengan peningkatan akademik dada, merumuskan estetik yang tidak rasional dengan menggunakan teknik "*automatic writing*". Brèton,(1924) mentakrifkan psikik tulen automatik sebagai:

"dictation of thought, in the absence of any control exercised by reason, beyond any aesthetic or moral preoccupation."

Kaedah ini kemudiannya digunakan dalam menghasilkan lukisan surrealism dan juga pengubahsuaian bentuk oleh ekspressionist abstrak Amerika ke bentuk catan.

Dengan penggunaan kaedah yang dihasilkan oleh Brèton (1924), unsur kebetulan atau rawak mula masuk dalam penghasilan karya seni. Brèton juga telah memilih beberapa artis untuk bersama beliau menubuhkan kumpulan artis baru dalam aliran surealism iaitu Picabia, Man Ray, and Max Ernst. Setelah perjumpaan pertama dilakukan, Brèton telah mengeluarkan satu manifesto iaitu *Manifesto of Surrealism* (1924) dan didalam manifesto tersebut beliau telah menyatakan:

*“ Surrealism is based on the belief in the **superior reality** of certain of certain form of association heretofore neglected, in the omnipotence of the dream, and in the disinterested play of thought. ”*

Berdasarkan daripada kajian beliau terhadap Freud, idea Brèton kembali kepada sepasang penyair abad ke-19 Isidore Ducasse yang lebih dikenali dengan gaya tersendiri Comte de Lautreamont (1846-1870) dan Arthur Rimbaud (1854-1891). Karya mereka dicurahkan dengan pelbagai idea pemberontakan menentang konvensyen dan implikasi khayalan, bawah sedar dan peluang atau kebetulan. Perkataan surealism membawa maksud diatas atau melewati alam realiti.

Kumpulan pertama pelukis-pelukis surealis tidak lengkap sehinggalah kumpulan tersebut menerima ahli terakhir mereka pada tahun 1929 iaitu Salvador Dali (1904-1989) yang pada ketika itu mengunjungi Paris untuk kali pertama. Beliau juga merupakan ahli pertama yang dibuang oleh Breton pada tahun 1934. Walau bagaimanapun, Dali (1904) merupakan salah seorang pelukis surealism terkenal di dunia apabila beliau berjaya mengeluarkan beberapa siri karya yang membuka mata dunia tentang aliran seni surealisma sehingga aliran ini kekal hidup sehingga sekarang.

2.3 Paranoid-Critical Method

Menurut Klingsohr (2011), Salvador Dali telah membawa pencapaian baru dalam dunia seni dengan menggunakan kaedah “*paranoid-critical method*”. Kritikal paranoi merupakan sumbangan penting kepada alam mistik yang biasa. Andre Breton (1924) menyatakan:

“ the uninterrupted transformation of the object under the paranoic’s scrutiny permits him to regard the very image of the external world as unstable and transitory, if not as suspect, and it is, disturbingly, in his power to impose the reality of his impression on others ”

Menurut laman web <http://emerald.tufts.edu/> (2015):

“Paranoid-Critical” method is a Surrealist method used to help an artist tap into their subconscious through systematic irrational thought and a self-induced paranoid state. By inducing this paranoid state one can forego one’s previous notions, concepts, and understanding of the world and reality in order to view the world in new, different and more unique ways.

Dimana ianya membawa maksud kaedah yang diguna pakai oleh surrealist untuk membantu artis kepada minda dibawah sedar mereka melalui pemikiran yang tidak rasional dan sistematik disebabkan oleh keadaan diri yang paranoid. Dengan menggunakan konsep paranoid ini, seseorang boleh memberikan tanggapan terhadap konsep seseorang, Pemahaman berkaitan dunia, dan realiti untuk melihat dunia dengan cara yang baru iaitu dengan cara yang lebih berbeza dan menarik.

2.4 Videografi

Mengikuti Michael Rush (2003) seni video pula adalah hal tentang mengikat aliran seni penting pada masa kini seperti abstrak, konseptual, minimal, seni persembahan, seni pop, photography dan seni digital. Salvador Dali yang juga seorang pembuat film telah menghasilkan beberapa siri atau sekuel berkaitan surealism, walau bagaimanapun, ianya tidak begitu dikenali umum. Penggunaan video dalam seni bertujuan untuk mengembangkan atau memanjangkan, pengulangan, mempercepatkan, memperlahankan, menggerakkan dan menghentikan sesuatu objek didalam penghasilan seni video.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah yang akan atau telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat data serta bagaimana kaedah itu dikendalikan. Pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif. Kajian bersifat kualitatif ini lebih memfokuskan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada sumber seperti eksperimentasi, temubual, pemerhatian dan pembacaan dari sumber ilmiah seperti journal dan juga buku.

Secara keseluruhannya, kajian ini banyak melibatkan kajian daripada sumber bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk tesis ini untuk mendapatkan pendekatan, kaedah, teknik dan sumber yang pelbagai yang digunakan oleh Salvador Dali dan juga dalam penghasilan seni video. Sumber kajian ini menggunakan garis panduan iaitu teknik dan kaedah pendekatan Salvador Dali yang diperolehi dan akan dimasukkan ke dalam tesis ini. Kaedah penyelidikan yang telah dipertikaikan oleh penyelidik dalam proses yang berkaitan dengan pendekatan Salvador Dali turut dibincangkan dalam kajian ini dimana hasil dapatan akan diaplikasi kepada karya peribadi pengkaji.

Kaedah-kaedah yang dinyatakan adalah kaedah penyelidikan sekunder. Aplikasi kaedah-kaedah ini sangat membantu penyelidik dalam mencapai objektif serta matlamat kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif iaitu kajian literatur yang dijalankan semasa awal penyelidikan lagi dengan merujuk kepada laporan penerbitan daripada sumber yang berkaitan dengan pendekatan Salvador Dali dan juga seni video.

Pengkaji telah mengunjungi perpustakaan yang mempunyai maklumat tentang kajian yang sedang dijalankan. Antara contoh pengumpulan data sekunder yang telah dijalankan ialah pembacaan jurnal-jurnal antarabangsa, buku-buku yang berkaitan dengan skop kajian serta melalui internet.

Selain itu juga, pengkaji telah melakukan eksperimen berdasarkan “*practice base research*” dimana pengkaji meniru semula lukisan atau catan Salvador Dali (figura 3.0.1). Didalam kajian ini, pengkaji ingin memahami teknik dan penggunaan warna yang telah digunakan oleh artis rujukan bagi memudahkan pengkaji memahami teknik dan pendekatan yang digunakan. Hasil dapatan daripada kaedah “*practice base research*” ialah pengkaji telah mengenalpasti beberapa teknik dan bagaimana karya itu dihasilkan dan ianya menimbulkan perasaan kagum dan pengkaji lebih menghargai karya tersebut kerana ternyata ianya tidak mudah dihasilkan tanpa ketelitian dan ketajaman fikiran dan logik akal.




Figura 3.0.1 *The Persistence of Memory*, 1931, oil and tempura on panel, 23x32.1 in (58.4 x81.5cm) Museum of Modern Art, New York